

Dr M bertegas negara Arab tidak mampu rancang serangan 9/11
Malaysian Insider
November 19, 2012
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 19 Nov — Tun Dr Mahathir Mohamad tampil menyokong teori konspirasi mengatakan bahawa kerajaan Amerika Syarikat (AS) merancang serangan 9/11 ke atas negaranya sendiri sebagai alasan untuk bertindak balas ke atas negara Islam.

Bekas perdana menteri tersebut yang lantang mengkritik kerajaan AS ekoran dua perang ke atas perang Iraq dan Afghanistan mendakwa serangan tersebut sebagai punca berlakunya penindasan ke atas Muslim di seluruh dunia, antaranya "pemeriksaan memalukan" ke atas Muslim dalam kapal terbang dan juga penahanan tanpa waran.

"9/11 bermulanya perang teruk ke atas beratus ribu orang Muslim, kehancuran Iraq dan Afghanistan telah menyebabkan Muslim menjadi musuh kepada dunia sejagat.

"Seseorang mendapat untung daripada hal ini ... cari pihak yang buat perkara ini dan saya percaya kita akan temui pengganas sebenar," kata beliau semasa majlis pembukaan siri persidangan antarabangsa "Imbasan semula 9/11 - Mencari Kebenaran" yang dianjurkan oleh Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dr Mahathir juga mengulangi pendiriannya bahawa Muslim Arab tidak mampu membuat strategi terancang, kepelbagaian serangan yang mengakibatkan dua menara terkenal di dunia iaitu Pusat Dagangan Dunia New York (WTC) runtuh ekoran serangan bersejarah pada 2001 tersebut.

"Saya minta maaf kepada warga Arab tetapi merancang dan melaksanakan rancangan rumit ini bukan sesuatu yang mereka dapat lakukan dengan baik," tambah beliau.

"Orang Arab adalah pejuang hebat pada masa lalu, tetapi selepas penguasaan barat mereka hilang cengkaman dalam perang."

Beliau juga mengingatkan bahawa Muslim Arab tidak pernah menang sekali pun peperangan dengan Israel serta menambah perang melibatkan tiga negara Islam iaitu Mesir, Jordan dan Syria ke atas Israel telah dipatahkan tentera negara Zionis tersebut pada tahun mereka ditubuhkan.

"Arab tidak mampu merancang strategi atau rancangan malahan pelaksanaan strategi peperangan peperangan mereka teruk. Mereka bukan orang yang disiplin ... seseorang akan bocorkan rancangan yang dirancangan itu.

"Kerana wang ... mereka (orang Arab) sanggup mendedahkan tempat persembunyian pemimpin mereka."

Dr Mahathir turut menegaskan bahawa serangan 11 September memerlukan latihan bertahun-tahun yang berat, latihan sukar dan mengatur strategi serta penyusunan masa tepat dan pelaksanaan berdisiplin.

Beliau turut berkata jika Arab mempunyai kemampuan untuk merancang serangan sebegitu di lokasi terpencil di Afghanistan ataupun Iraq, pihak agensi perisikan seperti CIA (Agensi Perisikan Pusat) pasti dapat menghidunya dan menghalang operasi tersebut.

"Tetapi secara faktanya empat pesawat telah dirampas dan melanggar sasaran mereka," kata beliau.

Dr Mahathir juga mendakwa tidak pernah dalam sejarah empat pesawat besar dirampas secara serentak dan dalam pada itu terbang di ruang udara berlainan di tempat berlainan.

Beliau juga berkata ia masih misteri bagaimana penganas dapat menawan kesemua krew dalam empat pesawat, menguasai mereka, mengubah haluan perjalanan ke empat lokasi berbeza sebelum terhempas mengenai beberapa sasaran yang telah ditetapkan.

Ahli politik veteran tersebut juga berkata juruterbang mungkin cuba sedaya upaya mengelakkan pesawat daripada melanggar menara berkembar jika mereka tahu akan mati pada hari tersebut.

"Tidak perlukan pertukaran yang besar untuk mengubah laluan daripada melanggar menara itu.

"Tetapi pesawat melanggar menara dengan tepat, mengakibatkan letupan berlaku hasil daripada minyak yang mereka bawa," kata beliau.

"Saya boleh bayangkan operasi terlatih dan sukar ini dirancang dan dilaksanakan oleh CIA atau Mossad (Agensi Perisikan Pusaat Israel) tetapi saya tidak boleh bayangkan seorang warga Arab seperti Osama bin Laden yang merancang dan memberi arahan ke atas operasi rumit ini daripada kawasan terpencil di Afghanistan," ujar beliau lagi.

Dr Mahathir, PM paling lama negara kemudian mengakui kepercayaannya mungkin tidak tepat tetapi menggesa mereka yang dijemput dalam persidangan hari ini bebas membongkar serangan 9/11 tersebut dan memberikan penerangan mengenai isu itu.

Antara panel pada persidangan tersebut ialah bekas ahli kongres AS dan juga bekas calon presiden, Cynthia McKinney, wartawan dan pengarah filem, James Corbett dan Jurutera dan Arkitek penggasas 9/11, Richard Gage yang lantang dengan kata-katanya untuk mendedahkan kebenaran disebalik serangan tersebut.

"Persidangan ini adalah tentang mencari kebenaran terhadap insiden yang menggegarkan dunia 9/11," kata Dr Mahathir.

"Percubaan akan dibuat untuk memutuskan laporan dan perbincangan disini ia akan dilakukan oleh mereka yang dianggap sebagai wira kebebasan bersuara dan akhbar bebas.

"Tetapi media alternatif akan mengecewakan mereka dan tidak mengendahkan acara ini," tambah beliau.

Beliau juga mengakui pasti akan ramai mempersoalkan kepelbagaian teori semasa persidangan itu yang mungkin akan menyebabkan keraguan ke atas faktor utama - menyalahkan serangan tersebut ke atas penganas muslim, arwah Osama dan rangkaian penganas, Al-Qaeda.

"Tetapi atas beberapa banyak perkara," tambah beliau, "... dipercayai atau sekurang-kurangnya memikirkan semula pandangan mereka terhadap kejadian itu."

[pu-rancang-serangan-9-11/](#)